



# Buletin بولين دارالنعيم MINGGUAN DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1446H | 11-15 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

ISLAM LETAK IBU PADA  
KEDUDUKAN TERTINGGI DALAM  
PEMBENTUKAN JATI DIRI ANAK

KELGYU BERPOTENSI TERAJUI  
INDUSTRI DAGING WAGYU  
TEMPATAN DI KELANTAN

ABRAHAM KOI USAHAWAN  
TUNGAL IKAN KOI DI  
KELANTAN

## MB KELANTAN TEKANKAN KOMITMEN JADIKAN NEGERI JELAPANG MAKANAN NEGARA

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM, 14 Mei** – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan kepentingan pelaksanaan projek-projek pertanian secara strategik dan menyeluruh dalam merealisasikan sasaran menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara menjelang tahun 2025.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) yang berlangsung di Mabna pada Selasa.

Menurutnya, pelbagai inisiatif sedang berjalan dan akan terus dilaksanakan dalam usaha memperkuuh sektor pertanian sebagai antara penyumbang utama kepada keselamatan makanan negara.

"Antara yang dibincangkan ialah perkembangan projek penting



seperti Rong Chenok Agro Valley (RCAV), Kilang Padi Darul Naim di Meranti, serta pembangunan penternakan lembu tenusu secara lebih menyeluruh di seluruh negeri.

"Ketiga-tiga projek ini diselaras dengan kerjasama agensi teknikal seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pertanian," jelas beliau.

Mengulas sambutan rakyat ter-

hadap Pasar Rakyat KelAgro yang diperkenalkan kerajaan negeri, beliau menyatakan bahawa maklum balas yang diterima amat positif.

"Pasar Rakyat KelAgro yang kini beroperasi di 10 jajahan yang menawarkan barang dapur segar pada harga mampu milik membuktikan kesungguhan iltizam kerajaan negeri dalam membantu rakyat melalui subsidi langsung kepada harga

“

pelbagai inisiatif sedang berjalan dan akan terus dilaksanakan dalam usaha memperkuuh sektor pertanian sebagai antara penyumbang utama kepada keselamatan makanan negara,”

barang asas," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan terhadap sokongan rakyat dan mendoakan agar segala perancangan serta pelaksanaan usaha pertanian di negeri ini dipermudahkan Allah SWT.

"Semoga segala usaha ini berjalan dengan lancar demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Kelantan," ujarnya.



# ISLAM LETAK IBU PADA KEDUDUKAN TERTINGGI DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI ANAK

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 11 Mei – Islam meletakkan kedudukan ibu pada tempat yang tinggi sebagai tunggak utama dalam pembentukan keperibadian anak-anak dan pembangunan masyarakat yang berakhlik.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan YB Ustaz Mohd Asri Mat Daud berkata, pengiktirafan besar terhadap pengorbanan seorang ibu dapat dilihat menerusi sabda Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa ibu lebih berhak mendapat layanan baik daripada anak-anak sebanyak tiga kali ganda berbanding ayah.

“Hadis riwayat Bukhari dan Muslim ini menzahirkan betapa besarnya pengorbanan seorang ibu dalam mengandung, melahirkan, menyusukan serta membesarkan anak-anak. Justeru, Islam mengangkat kedudukan ibu dengan penuh penghormatan,” katanya dalam satu hantaran sempena sambu-



tan Hari Ibu 2025, hari ini.

Menurut beliau, peranan ibu bukan sekadar pengasuh, tetapi sebagai pendidik terawal dan terpenting dalam membentuk ketahanan

mental, emosi dan spiritual anak-anak sejak kecil lagi, bagi menghadapi cabaran hidup pada masa hadapan.

“Asuhan dan kasih sayang yang

tulus daripada seorang ibu menjadi benteng pertama yang melindungi anak-anak daripada terjerumus dalam gejala sosial yang kian membahayakan dalam masyarakat,” katanya.

Menguatkan hujahnya, beliau turut memetik pepatah Arab yang berbunyi, “At-Tarbiyah fi as-sighar ka naqsyin ‘ala al-hajar” (pendidikan semasa kecil ibarat ukiran pada batu), bagi menggambarkan betapa pentingnya pendidikan awal yang diasaskan oleh ibu.

Mengulas lanjut, YB Mohd Asri memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan secara konsisten menganjurkan pelbagai program dan inisiatif bagi menghargai jasa serta sumbangan golongan ibu, selaras dengan nilai murni dan dasar pembangunan insan yang diperjuangkan kerajaan.

“Semoga semua ibu yang telah banyak berkorban diberikan ganjaran tertinggi di sisi Allah SWT dan dikurniakan balasan syurga yang dijanjikan,” katanya lagi.

## PERPADUAN ASAS KESTABILAN NEGERI DAN NEGARA

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Mei – Perpaduan masyarakat memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kestabilan sesebuah negeri dan negara.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata perpaduan yang kukuh sudah lama terjalin di Kelantan.

Masyarakat yang berbilang kaum hidup dalam keadaan harmoni, saling menghormati dan memberi sokongan.

“Di Kelantan, rakyatnya hidup bersatu walaupun berbeza agama dan bangsa. Mereka berbicara dalam dialek yang sama dan menjalankan perniagaan berdampingan.

“Inilah realiti kehidupan masyarakat majmuk di Kelantan yang sentiasa menjaga nilai hormat-menghormati antara satu sama lain,” ujarnya dalam satu hantaran media sosial pada Sabtu.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan, melalui Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA), telah mengajurkan pelbagai program, ter-



masuk Karnival Perpaduan, sebagai usaha berterusan untuk memupuk semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

YB Zamakhshari turut menerangkan bahawa pendekatan berteraskan prinsip Islam yang dilak-

sanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, bersama dengan nilai budaya Timur, mampu membentuk sebuah komuniti yang aman dan bersatu.

Terdahulu, beliau mewakili Menteri Besar Kelantan untuk mer-

asmikan Sambutan Mingguan Perpaduan Peringkat Negeri Kelantan 2025, yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sobri Mat Daud di Dataran Bandar Baru Pasir Mas pada Sabtu.

K E S E J A H T E R A A N

# PROJEK NAIK TARAF LTSIP FASA 2 CAPAI 54.29 PERATUS



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 11 Mei – Projek pembangunan infrastruktur Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Pengkalan Chepa bagi fasa kedua terus menunjukkan perkembangan positif dengan kemajuan terkini mencapai 54.29 peratus setakat 3 Mei lalu.

Exco Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar


YB Dato' Dr. Izani Hussin berkata projek strategik berimpak tinggi tersebut melibatkan kerja-kerja kejuruteraan dan pembinaan bersepadu yang kini giat dijalankan di lapangan.

"Antara komponen utama yang sedang melalui fasa pembangunan aktif ialah Bangunan Terminal Utama, Bangunan VVIP, dan Unit CUB 2. Konsistensi pencapaian ini mencerminkan kecekapan tenaga kerja dan penyelarasannya rapi sesama pihak berkepentingan dalam menjayakan inisiatif pembangunan yang berimpak tinggi terhadap jaringan pengangkutan dan ekonomi sekitar."

"Tumpuan kini digerakkan

sepenuhnya ke arah memastikan Fasa 2 dapat disiapkan dengan optimum melalui pendekatan pelaksanaan terancang, pemantauan harian, dan peningkatan logistik tapak,"elasnya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, kemajuan itu selari dengan aspirasi kerajaan dalam memastikan projek-projek pembangunan utama disiapkan dengan piawaian terbaik, sekali gus memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat dan negeri Kelantan.



# BINA MAKMAL ANALISIS REE, PERCEPATKAN INDUSTRI TEKNOLOGI HIJAU

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 14 Mei – Usaha memperkuuh pembangunan teknologi hijau dan mempercepatkan kemajuan industri berdasarkan unsur nadir bumi (REE) di Kelantan mencatat satu pencapaian penting apabila Gemilang Perkasa Mineral Sdn Bhd (GPM) dukungan Kumpulan COSMOS mendatangkan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Kelstone Sdn. Bhd. (Kelstone).

Kelstone diwakili Pengarah Eksekutif Dato' Sr. Zamri Ismail yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bersama Pengurus Besar P.Geol Phakhruddin Abdullah manakala GPM diwakili Pengarah Urusan Azaizuree Ahmad memeterai perjanjian tersebut di Pejabat Timbalan Menteri Besar, di Mabna, pada Selasa.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan yang menyaksikan perjanjian tersebut berkata, kerajaan negeri menyambut baik inisiatif tersebut kerana yakin pembinaan makmal analisis REE akan memberi manfaat besar dalam mempercepatkan pertumbuhan industri berdasarkan REE di Kelantan.

"Royalti daripada hasil perlombongan ini dapat dimanfaatkan sebagai sumber pembangunan dan kesejahteraan rakyat selain membuka peluang pekerjaan kepada



penduduk tempatan.

"Secara tidak langsung, kewujudan makmal ini turut merangsang ekonomi setempat menerusi perbelanjaan harian oleh para pekerja makmal," katanya.

Sementara itu, P.Geol Phakhruddin pula memaklumkan bahawa Kelston akan memperoleh beberapa manfaat termasuk pengurangan kos analisis unsur REE yang dijangka menurun sehingga 50 peratus.

"Semua tenaga kerja adalah dalam kalangan rakyat Malaysia, dan keutamaan akan diberikan kepada rakyat Kelantan. Sekurang-kurangnya lima peluang pekerjaan baru dijangka diwujudkan menerusi pembukaan makmal ini."

"Pemindahan teknologi berkaitan REE juga akan berlaku melalui makmal ini, hasil kerjasama antara GPM dan universiti dari China," katanya.

Tambah beliau, Kelstone juga dijangka menerima 20 peratus daripada keuntungan bersih makmal serta pegangan saham sebanyak 40 peratus.

Dalam kenyataan berasingan, GPM menjelaskan bahawa makmal yang bakal dibina itu berperanan menyediakan kepakaran teknikal dalam menganalisis serta mengesahkan kandungan unsur nadir bumi, sekali gus menyumbang kepada pembentukan pangkalan data komprehensif untuk rujukan kerajaan negeri pada masa depan.

Projek itu turut mendapat sokongan teknikal daripada COSMOS International Consultancy Sdn Bhd yang akan terlibat dalam perancangan dan pembinaan makmal tersebut di Bandar Baru Tunjung.

"Syarikat juga terbuka untuk bekerjasama dengan pelabur tempatan dan antarabangsa dalam meneroka potensi pelaburan serta membangunkan teknologi baharu seiring dengan aspirasi negara ke arah ekonomi rendah karbon dan pembangunan teknologi hijau," menurut kenyataan itu.

Turut hadir, Pengurus Kelstone yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Kadok YB Dato' Sr Azami Mohd Nor.

# KELGYU BERPOTENSI TERAJUI INDUSTRI DAGING WAGYU TEMPATAN DI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 14 Mei

– Pusat ternakan Lembu Wagyu Kelantan (Kelgyu) milik Kelfarm Sdn. Bhd. berpotensi menjadi peneraju industri daging wagyu tempatan di Kelantan, susulan pembukaan cawangan baharu pusat ternakan itu di Seribong, Limbat, Kota Bharu.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada projek di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2024 yang menekankan pengoptimuman penggunaan tanah.

“Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) serta penglibatan strategik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri



Kelantan (JPVNK),” katanya menerusi hantaran di media sosial pada Selasa.

Menurutnya, pembangunan pusat ternakan tersebut merangkumi pembinaan kandang lembu tertutup berkapasiti antara 120 hingga 150 ekor, selain menumpukan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) mampan bagi penghasilan lembu wagyu tempatan.

Tambah beliau, permintaan terhadap daging wagyu semakin

meningkat dalam kalangan pengusaha restoran mewah, bahkan turut mendapat sambutan dalam kalangan pengguna domestik yang semakin mengutamakan daging berkualiti tinggi daripada sumber tempatan.

“Kelgyu diharap dapat menjadi peneraju utama dalam memperkuuh kedudukan produk wagyu tempatan di pasaran, khususnya di Kelantan,” katanya.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd

Saripudin mengadakan lawatan kerja ke tapak cawangan baharu Kelgyu di Seribong, Limbat bagi meninjau kemajuan semasa projek ternakan berkenaan.

Turut hadir dalam lawatan itu ialah Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Shahrin Abdullah, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Wan Zulfadhl Syahman Wan Yusof, dan Timbalan Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) Rosli Abdullah.

## PROGRAM GOTONG-ROYONG DAN WAKAF KITAR SEMULA TINGKATKAN KESEDARAN KEBERSIHAN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 13 Mei

– Penganjuran Program Gotong-Royong dan Wakaf Kitar Semula diyakini mampu meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan penjagaan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, program seumpama ini bukan sahaja menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, malah menggalakkan kerjasama komuniti

dalam mengamalkan budaya wakaf barang terpakai secara lestari.

“Daripada membuang barang yang masih boleh dikitar semula ke tapak pelupusan, lebih baik kita mewakafkannya. Tindakan ini bukan sahaja menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, malah memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh,” katanya menerusi satu hantaran di laman media sosial rasmi beliau, semalam.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar

Raya Islam (MPKB-BRI) serta Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di seluruh negeri kekal komited melaksanakan kempen Kelantan-Ku Bersih, termasuk memperuntukkan sebanyak RM41 juta bagi tahun 2025 bagi memperkasa tahap kebersihan negeri.

“Usaha ini turut disokong oleh Kelantan Utilities Mubarakan Holding (KUMH) melalui pelancaran Program Wakaf Kitar Semula yang merangkumi barang elektrik dan elektronik (e-waste), minyak masak terpakai, botol, dan kertas. Program ini dilaksanakan di

sekolah, masjid, pejabat PBT serta agensi-agensi kerajaan,” jelasnya lagi.

Terdahulu, YB Mohd Asri merasmikan Program Gotong-Royong dan Pengindahan Alam anjuran Jawatankuasa Penduduk (JKP) Demit 2025 yang berlangsung di perkarangan Pasar Tok Kenali, Binjai, Kota Bharu.

Program berkenaan mendapat kerjasama pelbagai agensi termasuk MPKB-BRI, KUMH, Balai Polis Binjai, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Tanah Kota Bharu, Hospital USM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK).

“Terima kasih kepada semua pihak yang hadir dan berganding bahu menjayakan program ini. Anda semua memang terbaik,” ujarnya.

Sebagai simbolik perasmian, YB Mohd Asri turut menanam sebatang pokok sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif penghijauan dan pengindahan persekitaran.

# PERKASAKAN ISTILAH BAHASA MELAYU – YBM SUK

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 12 Mei – Kerajaan Negeri Kelantan menaikkan komitmen berterusan dalam memperkasa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik di peringkat negeri.

Setiausaha Kerajaan Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal mendcadangkan agar nama Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan diperkemas menjadi Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Melayu Peringkat Negeri Kelantan.

Cadangan tersebut dikemukakan sebagai simbol sokongan jitu terhadap usaha memperkuuh kedudukan bahasa Melayu dan sastera tanah air sebagaimana termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

“Penjenamaan semula nama jawatankuasa ini adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan negeri dalam menyokong usaha pemerkasaan bahasa dan sastera yang digerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT),” ujar beliau ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaks-



aan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Kelantan (JKPBK) Bil. 1/2025 yang berlangsung di Bilik Gerakan Mabna, semalam.

Dalam mesyuarat berkenaan, ahli-ahli jawatankuasa turut ber-setuju agar usaha penambahbaikan penggunaan bahasa kebangsaan dan tulisan Jawi dalam paparan awam seperti papan tanda, papan iklan dan premis perniagaan diberi perhatian sebagai antara agenda utama dalam program pemerkasaan Bahasa Melayu di negeri ini.

“Pihak berkuasa tempatan perlu diberikan punca kuasa pentadbiran yang jelas bagi melaksanakan syarat pengesahan bahasa oleh DBP bagi setiap permohonan iklan yang dikemukakan.

“Selain itu, mesyuarat juga mendcadangkan agar proses pengesahan bahasa oleh DBP dapat dilaksanakan dalam tempoh 24 jam bagi memudahkan urusan kelulusan,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bawa kelulusan pengesahan bahasa oleh DBP akan dijadikan keperluan pentadbiran yang wajib dipatuhi.

Manakala mesyuarat JKPBK Peringkat Negeri Kelantan akan dilaksanakan sebanyak dua kali setahun, iaitu sebelum berlangsungnya Mesyuarat Induk JKPBK di peringkat pusat.

Sebagai langkah memperkuuh peranan jawatankuasa, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut dilantik sebagai ahli baharu JKP-

BK Peringkat Negeri Kelantan.

Dalam perkembangan berkaitan, kerajaan negeri merancang untuk bersinergi dengan DBPWT bagi menganjurkan Anugerah Bahasa Kelantan dan Anugerah Sastera Negeri Kelantan pada tahun 2026 sebagai platform mengiktiraf pencapaian dan sumbangan tokoh bahasa dan sastera tempatan.

Manakala pada tahun ini, Pertandingan Pidato Sektor Awam Piala SUK Kelantan dengan kerjasama DBPWT akan dilaksanakan, seiring dengan penganjuran program Dekad Bahasa Kebangsaan yang turut diperluas di peringkat negeri.

Turut hadir, Pengarah DBPWT Ariza Che Ismail.



## ABRAHAM KOI USAHAWAN TUNGGAL IKAN KOI DI KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

**TANAH MERAH**, 15 Mei – Abraham Koi milik Nur Samihah Ibrahim dari Kampung Bechah Laut di sini, merupakan usahawan tunggal dalam bidang ternakan ikan koi secara komersial di Kelantan.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata projek ternakan tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja dari pasaran tempatan



bahkan turut menembusi pasaran luar negara.

“Alhamdulillah, hasil usaha gigih Nur Samihah, ikan koi yang diternaknya mendapat permintaan dari luar Kelantan seperti Johor, bahkan turut dipasarkan ke Thailand.

“Kerajaan negeri sentiasa bersedia memberi sokongan termasuk bantuan peralatan seperti kanvas dan tangki air untuk memperkuuh operasi penternakan,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke premis berkenaan, semalam.

Tambahnya, lawatan tersebut memberi peluang kepada pihak kerajaan untuk meninjau kaedah penternakan koi secara langsung, termasuk aspek pemakanan, pembiakan serta peralatan yang digunakan.

“Ikan koi merupakan ikan hiasan bernilai tinggi. Ia boleh membesar sehingga 19 hingga 23 inci dan mampu mencapai harga ratasan ringgit seekor.

“Saya menyeru belia serta masyarakat yang berminat menceburji bidang ini agar menjadikan Abra-

ham Koi sebagai inspirasi,” ujarnya.

Sementara itu, Nur Samihah berkata, projek ternakan yang diusahakan sejak dua tahun lalu bermula daripada minat mendalam terhadap ikan hiasan, sebelum berkembang menjadi sumber pendapatan.

“Selain kolam di kawasan rumah, saya juga menguruskan kolam tambahan yang menempatkan lebih 2,000 ekor ikan koi,” katanya.

Lawatan itu turut disertai wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antara bangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan SME Corp.

# 59 TAHUN KILANG BESI BERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA ANAK TEMPATAN



Oleh: Asri Hamat

**TANAH MERAH**, 15 Mei – Sejak lama 59 tahun beroperasi, kilang kerangka besi, atap dan papan lapis Kong Joo Timur Sdn Bhd di Tebing Tinggi membuka peluang pekerjaan kepada lebih 300 anak tempatan sekali gus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi daerah ini.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata, kerajaan negeri menyokong penuh

usaha pelaburan tersebut kerana ia memberi manfaat langsung kepada penduduk setempat.

“Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memberi sokongan terhadap segala aktiviti yang dijalankan oleh syarikat ini agar kekal berdaya saing, mampu mengekspor produk ke peringkat antarabangsa dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke kilang berkenaan bersama delegasi agensi kerajaan negeri dan Perse-

kutuan, pada Rabu.

Menurut beliau, lawatan itu turut bertujuan mengukuhkan hubungan antara pihak industri dengan agensi-agensi pelaburan agar sebarang isu di peringkat negeri mahupun Persekutuan dapat diselaraskan dan diselesaikan secara bersepada.

“Kita mahu semua pengusaha kilang di Kelantan tahu bahawa kerajaan negeri sentiasa terbuka memberi kerjasama demi kemajuan sektor perindustrian di negeri ini,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kong Joo Timur Sdn Bhd, Loh

Wooi Keat menyambut baik lawatan tersebut yang disifatkannya sebagai satu platform penting untuk menjalin kerjasama erat antara pihak industri dan kerajaan.

“Ia juga dapat memperkuuh jaringan produktiviti dan seterusnya memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negeri Kelantan secara keseluruhannya,” katanya.

Untuk rekod, Kong Joo Timur Sdn Bhd telah beroperasi sejak tahun 1966 dan kini mengeluarkan pelbagai produk termasuk besi rangka bumbung, atap keluli (zink) dan papan lapis untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Antara agensi yang turut serta dalam lawatan kerja tersebut termasuklah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan SME Corp.

## KELANTAN ANJUR HARI SUAMI ISTERI PERINGKAT NEGERI 2025 PADA 31 MEI INI

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 14 Mei – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeK-Wa) akan menganjurkan Sambutan Hari Suami Isteri Peringkat Negeri Kelantan 2025 pada 31 Mei ini.

Program tersebut dijadualkan berlangsung di Dataran Majlis Daerah Tanah Merah, bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.45 tengah hari.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim, program yang dijangka mendapat sambutan hangat itu bakal menghimpunkan lebih 500 pasangan dari seluruh negeri.

“Pelbagai aktiviti istimewa telah disusun bagi meraikan pasangan suami isteri dan memperkuuh institusi kekeluargaan berlandaskan prinsip Islam,” ujarnya menerusi satu kenyataan rasmi, hari ini.

Beliau menjelaskan bahawa penganjuran Hari Suami Isteri itu



juga dilihat sebagai satu alternatif yang sihat dan beradab kepada sambutan Hari Kekasih yang bercanggah dengan nilai budaya timur dan ajaran Islam.

“Sesungguhnya Islam amat menggalakkan kasih sayang dan cinta, namun ia mestilah dizahirkan mengikut kaedah dan garis panduan yang ditetapkan oleh agama demi menjaga kemuliaan institusi perkahwinan dan keharmonian masyarakat,” katanya.

Tambah beliau, program seumpamanya pernah dianjurkan buat jumlah kali pada tahun 2012 dan kini kembali dengan pengisian yang lebih segar, bermakna dan inklusif.



Antara pengisian menarik yang menanti para peserta ialah Bicara Cinta oleh dai selebriti Ustaz Muhammad Abdullah al-Amin, pertandingan sukanaka suami isteri, cabutan bertuah, taklimat buku panduan Keluarga Mawaddah, ersempahan dikir barat dan silat, Taman Hiburan Kanak-Kanak khas untuk pasangan yang membawa anak serta pameran agensi dan jabatan kerajaan.

Turut disediakan, gelas “Couple” eksklusif untuk 400 pasangan terawal yang mendafta dan perkhidmatan cetak gambar percuma sebagai kenangan manis bersama pasangan.



Mengangkat tema “Bersama Hingga Ke Syurga”, sambutan berkenaan diharap dapat menjadi medan penyubur kasih sayang, memperkuuh komunikasi rumah tangga serta menyampaikan mesej bahawa cinta halal adalah anugerah yang wajar dipelihara dan diraikan dengan penuh keberkatan.

“Saya menyeru orang ramai khususnya pasangan suami isteri di negeri ini untuk menyertai program ini dan menjadikannya sebagai simbolik penghargaan terhadap pasangan masing-masing. Cinta yang dijaga dengan iman akan kekal hingga ke jannah,” katanya mengakhiri kenyataan.



PERKASAKAN ISTILAH BAHASA  
MELAYU-YBM SUK

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1446H | 11-15 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## 150 LEPASAN SPM, STPM DAN STAM SERTAI KELANTAN FUTURE LEADERS BOOTCAMP 2025

Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 8 Mei – Seramai 150 anak muda Kelantan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) menyertai program Kelantan Future Leaders Bootcamp 2025.

Program tersebut berlangsung di D'Heritage Resort & Training, Kemasiin selama tiga hari bermula 6 Mei lalu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, program anjuran Kerajaan Negeri melalui Kelantan Future Leaders Institut itu bertujuan melahirkan barisan kepimpinan masa depan yang berkualiti serta bersedia menghadapi cabaran dalam pelbagai bidang.

“Seringkali apabila bercakap tentang kepimpinan, tumpuan hanya diberikan kepada politik semata-mata seperti wakil rakyat atau



menteri.

“Hakikatnya, kepimpinan merangkumi pelbagai sektor termasuk pertubuhan sukan, persatuan profesional dan badan bukan kerajaan.

“Sebagai contoh, dalam profesi guaman wujud Majlis Peguam yang juga memerlukan kepimpinan tersendiri untuk mengemudi arah tuju organisasi,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup program tersebut, hari ini.

Tambah beliau, penyertaan kali

ini turut melibatkan pelajar dari sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya yang lebih tertumpu kepada pelajar institusi di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Sementara itu, Pengarah Program, Ridhuan Che Musa memaklumkan bahawa peserta yang terlibat dipilih berdasarkan kepimpinan mereka di peringkat sekolah seperti ketua pelajar, ketua pengawas, ket-

“

Program ini dibangunkan berdasarkan modul pembangunan kepimpinan yang dirangka khusus untuk membina jati diri, keyakinan tinggi serta daya tahan menghadapi cabaran masa depan,”

ua kelab dan sebagainya.

“Program ini dibangunkan berdasarkan modul pembangunan kepimpinan yang dirangka khusus untuk membina jati diri, keyakinan tinggi serta daya tahan menghadapi cabaran masa depan.

“Kami berharap segala ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang program ini dapat diperaktikkan oleh para peserta dalam komuniti masing-masing, termasuk dalam keluarga,” ujarnya.

